

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Islam (1223/1) mengandungi dua bahagian:

- Bahagian A iaitu ayat Hafazan, Akidah dan Ibadat. Bahagian ini mengandungi tiga soalan dan calon dikehendaki menjawab dua soalan sahaja. Peruntukan markah yang diberi ialah 40 markah.
- Bahagian B iaitu kefahaman ayat Al-Quran, cara hidup Islam, Tamaddun Islam, Akidah dan Ibadah. Bahagian ini mengandungi lima soalan dan calon dikehendaki menjawab tiga soalan sahaja. Peruntukan markah yang diberi ialah 60 markah.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan tahap pencapaian calon adalah baik. Sebahagian calon dapat menjawab dengan baik terutama bagi soalan nombor 3, 6, dan 7. Aras soalan yang agak tidak seimbang dari segi kesukarannya menyebabkan calon menjawab lebih daripada soalan yang dikehendaki. Ramai calon menjawab enam atau tujuh soalan. Ini lebih menguntungkan calon walaupun agak membebankan kepada pemeriksa.

Sebahagian besar calon yang hanya memperolehi pencapaian sederhana kerana salah memilih soalan, tidak ingat jawapan yang memerlukan fakta sebenar seperti tamadun, tidak hafal ayat hafazan dan tidak tepat memberi pengertian istilah-istilah tertentu yang dikemukakan.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon mendapat markah cemerlang. Calon ini dapat menjawab soalan dengan tepat dan padat. Jawapan jelas dan kemas. Isi/fakta jawapan lebih daripada yang dikehendaki. Jawapan mengikut arahan kata kunci soalan dan menggunakan teknik yang menarik. Bilangan calon yang memperoleh markah maksima menurun berbanding tahun 2002.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab sebahagian soalan dengan baik. Terdapat juga jawapan calon yang memerlukan tafsiran pemeriksa. Jawapan calon tidak memenuhi kehendak soalan. Mereka tidak dapat membezakan arahan soalan, antara perkataan nyatakan, jelaskan atau huraikan. Isi jawapan banyak tetapi berulang. Bilangan calon yang memperoleh markah sederhana meningkat berbanding tahun 2002.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan rendah tidak dapat menjawab keseluruhan soalan dengan baik. Tidak menguasai pengetahuan dan kemahiran seperti tidak dapat memberi pengertian fasad, memiming, dosa dan wahyu. Tidak memahami kehendak soalan. Jawapan terlalu ringkas walaupun soalan memerlukan penjelasan. Jawapan meneka, menyalin soalan dan seterusnya tidak menjawab langsung.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1(a)

Calon cemerlang dapat membariskan ayat dengan betul termasuk tanda mad dan syaddah. Walau bagaimanapun terdapat pelajar yang tidak dapat membaca, menghafaz dan menulis ayat hafazan. Kesilapan yang seringkali ditemui antaranya ialah tertinggal tanda syaddah, tertinggal tanda mad, salah menulis ayat, Salah membaris ayat dan tertinggal menyalin kalimah awal ayat. Jawapan yang sepatutnya ialah baris mestilah sempurna termasuk tanda mad, syaddah dan tulisan mestilah betul.

Soalan 1(b)

Calon yang cemerlang dapat menguasai hukum tajwid menjawab dengan lengkap. Pelajar yang lemah tidak dapat membezakan hukum qalqalah suhura dengan khubra dan izhar syafawi dengan ihfak syafawi. Kesilapan yang seringkali ditemui ialah pelajar salah memberi hukum tajwid dan tidak menjawab langsung. Jawapan yang sepatutnya ialah memberikan hukum tajwid dengan betul pada perkataan yang bergaris di bawahnya.

Soalan 1c (i)

Calon yang baik dapat menguasai maksud dan terjemahan ayat dan dapat menjawab soalan dengan tepat. Bagi calon yang tidak faham maksud perkataan tersebut terkeliru dengan perkataan fasakh dalam perceraian dan fasik. Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon salah memberi maksud iaitu naksud fasakh atau fasik. Jawapan sepatutnya fasad bermaksud kerosakan.

Soalan 1c (ii)

Pecahan kedua soalan ini calon yang baik dapat menyatakan jawapan dalam pelbagai jenis fasad. Calon yang lemah hanya memberi tumpuan satu jenis fasad sahaja. Antara kesilapan dalam bahagian ini ialah memberi contoh berkaitan fasakh bukan fasad dan jawapan yang berulang. Sepatutnya pelajar menjawab contoh perbuatan fasad seperti merosakkan harta benda awam.

Soalan 2a

Sebahagian kecil sahaja calon dapat markah tinggi kerana calon menghafaz ayat dengan baik dan dapat menulis jawapan dengan sempurna. Sebahagian besar calon gagal mendapat sebarang markah kerana calon tidak menghafaz ayat, tidak mahir dalam menulis perkataan arab dan menulisnya dengan ejaan jawi. Kesilapan yang seringkali berlaku calon menulis ayat lain, tertinggal $\frac{1}{2}$ huruf, menambah huruf mad dan menulis dengan ejaan jawi. Jawapan yang sepatutnya ialah ejaan mesti betul, tidak perlu baris, boleh dalam rasam Osmani atau Imlai dan huruf cerai dikira betul.

Soalan 2b

Tidak ramai calon mendapat markah penuh dalam soalan ini kerana calon tidak menghafal ayat dan akhirnya tidak dapat menyusun ayat dengan betul. Kesilapan yang seringkali ditemui ialah salah menyusun nombor, menyalin semula ayat seperti dalam soalan. Sepatutnya calon menulis nombor mengikut urutan ayat.

Soalan 2c(i)

Kebanyakan calon memperolehi separuh markah sahaja kerana calon tidak dapat menamakan urat yang wajib diputuskan semasa penyembelihan. Kesilapan yang berlaku calon salah menulis perkataan merik, atau meri' ditulis merih atau merikh. Jawapan yang sepatutnya ialah urat halkum dan merik sahaja.

Soalan 2c(ii)

Ramai calon mendapat markah penuh mereka memberi jawapan yang tepat kerana soalan ini mempunyai banyak pilihan jawapan. Tetapi terdapat pelajar yang salah faham antara hikmah sembelihan dengan hikmah makan makanan yang halal. Manakala kesilapan yang berlaku ialah memberi jawapan yang sama maksud. Sepatutnya pelajar menjawab hikmah sembelihan seperti dapat menghindarkan penyakit/bersih.

Soalan 2c(iii)

Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan. Oleh itu ramai yang memberi jawapan hanya tertumpu kepada binatang yang terjatuh kedalam parit atau lubang sahaja. Ada juga calon yang tidak menjawab soalan tetapi menerangkan cara menyembelih binatang. Jawapan sepatutnya ialah binatang yang terjatuh ke dalam lubang, binatang yang tiba-tiba menjadi liar dan binatang buruan.

Soalan 3a(i)

Soalan ini ramai calon yang dapat menjawab dengan baik dan mendapat markah penuh serta memberi maksud dengan tepat kerana banyak pilihan jawapan. Terdapat juga calon yang tidak dapat membezakan antara khurafat dengan syirik. Kesilapan yang berlaku ialah jawapan calon tertumpu kepada perkara syirik seperti menyembah berhala, menyembah pokok dan percaya kepada bomoh. Jawapan sebenarnya ialah menyenaraikan empat perkara yang dianggap khurafat contohnya memuja pantai, mempercayai azimat, membuang ancak dan menepung tawar.

Soalan 3a (ii)

Dalam bahagian ini kebanyakan calon memperoleh markah tinggi kerana jawapan calon menepati peraturan dan bilangan jawapan lebih dari yang dikehendaki. Namun begitu terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang sama maksud dan tertumpu kepada lemah iman, tidak menghayati ajaran Islam, kurang pendidikan dan jahil. Sepatutnya calon menjawab tiga sebab mempercayai khurafat seperti pengaruh budaya nenek moyang, pengaruh persekitaran, lemah iman dan faktor kemiskinan,

Soalan 3b

Calon yang cemerlang dapat menerangkan secara terperinci maksud jenis haji. Sebahagian besar calon memberikan jawapan yang tidak lengkap kerana tidak menjelaskan ibadah umrah itu dikerjakan di dalam atau di luar bulan haji. Kesilapan yang kerap berlaku iaitu bertukar maksud antara jenis haji seperti Haji Tamattuk ialah mengerjakan haji dan umrah serentak. Jawapan yang sebenarnya menerangkan dua daripada tiga cara mengerjakan ibadah haji.

Soalan 3c

Ramai calon dapat menjawab dengan betul dari segi hukum dan alasannya. Ada yang memberikan hukum betul tetapi alasannya salah. Antara kesilapan yang sering berlaku ialah hukum dijawab dengan boleh atau tidak boleh, harus atau tidak mengapa. Jawapan yang sebenarnya ialah hukum dijawab dengan sah atau tidak sah dan jawapan tidak boleh dibuat berdasarkan andaian tertentu contohnya sekiranya..., kalau ..., andainya

Soalan 4a (i)

Sebahagian calon tidak dapat menjawab dengan sempurna kerana gagal mengaitkan dosa dengan balasan buruk daripada Allah. Terdapat juga calon yang menjawab tidak sampai kepada maksud dosa seperti seorang yang banyak melakukan kejahatan. Kesalahan yang didapati dosa ialah melanggar perintah Allah. Jawapan yang sebenarnya ialah balasan buruk kerana tidak patuh kepada perintah Allah.

Soalan 4a (ii)

Calon dapat memberikan jawapan yang betul mengenai unsur kemiskinan dan kekayaan yang boleh membawa kepada dosa. Bagaimanapun kebanyakan jawapan tertumpu kepada kesalahan mencuri. Jawapan yang sepatutnya calon memberikan unsur kemiskinan dan kekayaan secara berasingan.

Soalan 4a (iii)

Calon dapat menjawab soalan ini kerana faham maksud nafsu ammarah dan banyak jawapan yang dikemukakan. Kesilapan yang berlaku calon menjawab cara mengatasi nafsu marah bukan ammarah. Jawapan yang sebenarnya ialah sentiasa berpegang dengan al-Quran, sentiasa istiqamah dalam ibadat khusus, sentiasa bersabar dan sebagainya.

Soalan 4b (i)

Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Mereka terkeliru dengan latar belakang pendidikan Ibnu Rushd dijawab tentang kepakaran atau keahlian Ibnu Rushd. Ramai juga calon yang tidak memberi jawapan. Kalau dijawab pun hanya tertumpu kepada hafal al-Quran dan ahli falsafah. Jawapan sebenarnya ialah latar belakang pendidikan Ibnu Rushd ialah mendapat didikan awal dari bapanya sendiri, mempelajari ilmu al-Quran, ilmu Feqah, Bahasa Arab, Usuluddin dan sastera.

Soalan 4b (ii)

Kebanyakan calon tidak faham kehendak soalan iaitu prinsip negara demokratik mengikut pandangan Ibnu Rushd. Jawapan calon menjurus kepada prinsip Negara Islam seperti sebuah negara mestilah berdasarkan syariat Islam. Jawapan yang sebenarnya ialah tiga prinsip Negara demokratik ialah al-Syariah (perundangan), Siadatu al-Ammah (kedaulatan rakyat) dan al-Hukuk al-Insaniah (hak asasi manusia).

Soalan 5a (i)

Soalan ini mudah. Calon dapat menjawab dengan tepat. Walaupun demikian terdapat calon yang memberi jawapan dengan contoh yang sama jenis seperti ilmu tauhid, ilmu akidah, ilmu kalam dibawah ilmu fardu ain. Jawapan yang sebenar ialah ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah.

Soalan 5a (ii)

Kebanyakan jawapan calon betul dan mempunyai banyak pilihan jawapan kerana calon faham kehendak soalan. Kesilapan yang berlaku ialah calon menyatakan kelebihan orang yang berilmu di sisi Allah bukan kelebihan orang berilmu dalam masyarakat. Jawapan yang dikehendaki ialah menerangkan dua kelebihan orang berilmu dalam masyarakat contohnya dihormati oleh masyarakat, dapat membangunkan masyarakat.

Soalan 5a (iii)

Tidak ramai calon yang dapat menjawab dengan betul. Jawapan mereka tertumpu kepada cara menyampaikan ilmu secara rutin biasa seperti menyampaikan ilmu dengan cara berceramah, mengajar dan lain-lain. Sedangkan yang dikehendaki ialah cara yang lebih berkesan seperti menggunakan alat komunikasi terkini. Peka dengan isu semasa, berakhlak mulia dan lain-lain.

Soalan 5b (i)

Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini kerana calon tidak dapat mengingat nama tokoh nusantara disebabkan kurang membaca dan kurang minat. Calon tidak dapat membezakan antara tokoh nusantara dengan tokoh luar. Jawapan yang dikehendaki ialah menyatakan dua tokoh islam Nusantara yang membangkitkan kesedaran menentang penjajah iaitu Hamka dan Syeikh Tahir Jalaluddin.

Soalan 5b (ii)

Tidak ramai calon yang dapat menjawab soalan ini kerana tidak ingat fakta sejarah disebabkan kurang membaca. Terdapat calon yang memberi jawapan secara umum dan tentang aktiviti tokoh timur tengah. Manakala jawapan calon yang salah seperti membenci penjajah dan mengajak menentang penjajah. Jawapan yang sebenarnya ialah penulisan atau menerbitkan majalah/buku, berceramah, menubuhkan sekolah, mengajar di masjid dan bergiat aktif dalam politik.

Soalan 6a (i)

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan betul kerana jawapan berbentuk respon terbuka. Kesilapan yang sering ditemui jawapan calon terlalu umum seperti beriman kepada Allah. Jawapan yang sepatunya ialah calon menjawab tiga cara mengekalkan kurniaan Allah seperti sentiasa berdoa, berusaha mempertingkatkan ilmu, menjaga hubungan baik sesama manusia dan sebagainya.

Soalan 6a (ii)

Sebahagian calon dapat mengaitkan soal hidayah dengan ilmu. Manakala sebahagian yang lain keliru antara hidayah dengan amal soleh. Mereka menjawab orang ada ilmu tetapi masih mencuri, membunuh dan menindas orang lain. Jawapan sepatutnya ada ilmu tetapi tidak diamalkan, ada ilmu digunakan ke jalan yang salah, menuntut ilmu tetapi tidak ikhlas.

Soalan 6b (i)

Ramai calon dapat memberikan pilihan jawapan yang banyak dan betul tetapi ada juga calon tidak dapat mengaitkan para Rasul dengan perkara wahyu seperti jawapan mereka

pemberian Allah kepada manusia, pertunjuk, anugerah dan rahmat. Jawapan yang sepatutnya kalamullah atau ajaran Allah yang diturunkan kepada Nabi dan Rasul.

Soalan 6b (ii)

Ramai calon dapat mengemukakan jawapan lebih daripada yang dikehendaki kerana mereka dapat memikirkan jawapan secara kreatif. Tetapi ada calon yang menjawab peranan wahyu. Jawapan yang sepatutnya berdasarkan akal yang dipandu oleh wahyu. Contohnya supaya terpelihara akidah, akal manusia mudah terpengaruh dengan nafsu, akal manusia terbatas dan lain-lain lagi.

Soalan 7a (i)

Calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, menepati peraturan yang dikehendaki. Kesilapan yang masih berlaku, calon tidak dapat membezakan antara meminang dengan merisik. Terdapat juga calon yang menjawab dalam ayat yang panjang tetapi tiada isi jawapan. Jawapan sebenarnya memberi maksud meminang iaitu melamar, atau membuat ikat janji kepada seorang perempuan untuk dijadikan isteri.

Soalan 7a (ii)

Kebanyakan calon dapat memahami soalan dan memberi hikmat larangan meminang pinangan orang lain dengan betul. Sebahagian kecil calon yang lemah menjawab dengan menyenaraikan golongan perempuan yang haram dikahwini atau dipinang. Kesilapan yang sering berlaku calon hanya menyatakan supaya pasangan itu dapat hidup bahagia. Jawapan yang sebenar ialah menerangkan dua hikmat Rasulullah melarang seseorang lelaki meminang seorang perempuan yang sudah dipinang orang lain. Contohnya supaya mengelakkan pergaduhan dan mengelakkan jenayah.

Soalan 7b

Calon faham maksud nusuz dan dapat mengaitkan dengan isu semasa seperti mengadakan kursus perkahwinan. Kesilapan yang ditemui calon menjawab cara mengatasi isteri yang nusuz seperti memukul isteri, mengasingkan tempat tidur dan menceraikan isteri. Jawapan yang dikehendaki menjelaskan dua cara mencegah nusuz. Contohnya suami isteri tahu tanggungjawab, suami isteri bertolak ansur dan bakal isteri diberikan kursus perkahwinan.

Soalan 7c (i)

Calon memberikan banyak pilihan jawapan yang menyebabkan calon mendapat markah penuh. Kesilapan yang masih berlaku ialah jawapan calon banyak tetapi membawa maksud yang sama. Contohnya sabar ketika sakit, sabar ketika menghadapi ujian dan sabar menerima bala daripada Allah. Jawapan yang sepatutnya ialah menamakan dua jenis sabar contohnya sabar menunaikan ibadat, sabar menanggung ujian dan sabar ketika marah.

Soalan 7c (ii)

Tidak ramai calon yang mendapat markah penuh kerana jawapan calon terlalu umum. Contohnya sabar mendengar ajaran guru dan sabar mengulangkaji pelajaran. Jawapan yang dikehendaki ialah menjelaskan dua ciri pelajar yang bersifat sabar iaitu bersungguh-sungguh, tidak mudah putus asa, berkorban masa, sanggup merantau dan seumpamanya.

Soalan 7c (iii)

Ramai calon mendapat markah penuh kerana jawapan terbuka dan banyak pilihan jawapan. Tetapi terdapat juga calon yang memberikan beberapa jawapan yang sama maksud. Contohnya orang yang tidak sabar dibenci Allah, dimasukkan ke dalam neraka, dilaknat Allah. Jawapan sebenar calon dikehendaki menerangkan dua akibat orang yang tidak sabar seperti dibenci Allah, dibenci oleh masyarakat, akan menyesal dan akan menerima kegagalan.

Soalan 8a (i)

Sebahagian calon memberikan dua contoh perkara sivil dan jenayah secara berasingan mengikut kehendak soalan. Sebahagian pula mencampur aduk atau bertukar antara contoh sivil dengan jenayah. Kesilapan yang banyak dilakukan ialah menyatakan contoh jenayah awam seperti membunuh dan merompak. Jawapan yang sebenarnya ialah contoh secara berasingan perkara sivil seperti pertunangan, nikah, cerai, nafkah, wakaf dan wasiat. Perkara jenayah pula seperti nusyuz, zina, ajaran sesat dan sebagainya.

Soalan 8b

Calon dapat menjawab hukum dengan betul beserta dengan alasannya sekali. Walaupun demikian terdapat calon yang menjawab hukumnya betul tetapi alasannya salah. Contohnya alasan yang diberi merupakan ulangan soalan atau memberi alasan bahawa saei hanya wajib haji. Jawapan sebenarnya mesti hukum betul dan alasan pun betul serta hukum mestilah sah atau tidak sah atau batal.

Soalan 8c (i)

Ramai calon tidak dapat menjawab dengan tepat kerana tidak mengingati fakta sejarah. Kebanyakan jawapan terkeluar daripada zaman Umaiyah dan Abasiyah seperti zaman Rasulullah dan Khulafa' Al-Rasyidin. Jawapan yang sepatutnya faktor perkembangan dakwah Islamiah zaman Umaiyah dan Abasiyah iaitu melaksanakan tanggungjawab berdakwah membebaskan tanah jajahan dan permintaan dari penduduk tempatan.

Soalan 8c (ii)

Soalan ini mudah. Calon hanya perlu menyatakan dua jenis mahkamah yang terdapat pada zaman Umaiyah dan Abasiyah tetapi ramai calon memberi jawapan yang kurang tepat dari segi istilah yang betul dan ejaan yang salah. Manakala jawapan salah yang berlaku ialah jawapan yang tiada kaitan seperti mahkamah syariah, mahkamah jenayah dan mahkamah sivil. Jawapan yang sebenarnya ialah mahkamah hisbah dan mahkamah mazolim.

Soalan 8c (iii)

Calon dapat menjawab dengan baik iaitu menerangkan bidang kuasa mahkamah mengikut jenisnya tetapi ada juga calon yang tidak dapat membezakan antara bidang kuasa Mahkamah Hisbah dengan Mahkamah Mazolim. Calon memberikan jawapan bercampur aduk. Kesalahan yang berlaku ialah calon memberikan contoh yang salah dan tidak ada kaitan seperti menjatuhkan hukuman bunuh. Jawapan yang sebenarnya calon perlu mengasingkan bidang kuasa seperti berikut. Bidang kuasa Mahkamah Hisbah ialah membicarakan kesalahan awam dan menjatuhkan hukuman ringan manakala Mahkamah Mazolim membicarakan kesalahan yang besar atau jenayah dan menjatuhkan hukuman berat.

SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu menguasai semua tajuk dalam sukatan pelajaran bagi mengelakkan meramal tajuk yang akan keluar dalam peperiksaan.
2. Hafal ayat hafazan dari awal tahun.
3. Banyakkan latihan menulis dan bariskan ayat yang telah dihafal berulang kali.
4. Jangan menjawab lebih daripada lima soalan. Gunakan masa yang ada bagi memantapkan jawapan yang tersedia ada.
5. Baca dan selalu buat rujukan buku teks dan hafal fakta penting.
6. Beri tumpuan kepada ulum al-Quran iaitu ayat hafazan dan ayat kefahaman kerana ia memperuntukkan jumlah markah yang besar.
7. Soalan berbentuk subjektif, fahamkan kehendak soalan dan jawab secara berfokus.

SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Dedahkan semua tajuk dalam sukatan pelajaran kepada pelajar.
3. Pastikan pelajar hafal ayat hafazan dengan pelbagai cara seperti ujian lisan, tasmik, pertandingan menghafaz ayat atau menulis ayat.
4. Beri pendedahan yang jelas dan tepat tentang istilah fiqah dan akidah kepada pelajar.
5. Lakukan program latih tubi terutamanya soalan berbentuk objektif.